

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN OSCAR LING CHAI YEW**  
**KAWASAN : SIBU**  
**TARIKH : 17 JULAI 2019 (RABU)**

**SOALAN :**

**YB TUAN OSCAR LING CHAI YEW** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilakah projek menaik taraf jalan Tunku Abdul Rahman yang merupakan satu-satu jalan yang menghubungkan pekan Sibu kepada lapangan terbang Sibu akan dijalankan. Keadaan jalan itu sudah teruk dan mengakibatkan banyak kemalangan jalan raya berlaku di sana.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian ini mengambil maklum berkenaan kesesakan aliran trafik di jalan raya yang menghubungkan Bandar Sibu ke Lapangan Terbang Sibu. Berdasarkan analisa trafik yang dijalankan oleh stesen bancian dan isipadu trafik lalulintas mendapati bahawa Tahap Perkhidmatan Jalan (*Level of Service*, LOS) berada pada tahap LOS D. Sehubungan dengan itu, Kementerian ini telah mengesyorkan agar pihak JKR Negeri Sarawak untuk menyelaras dengan Unit Perancang Negeri Sarawak bagi menyenaraikan jalan tersebut dalam senarai keutamaan di dalam permohonan projek baharu Rancangan Malaysia yang akan datang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN LIM LIP ENG [ KEPONG ]**

**TARIKH : 17 JULAI 2019 [ RABU ]**

**SOALAN NO. 72**

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sebab-sebab kegagalan dasar pemisahan sisa sampah dan bagaimana Kementerian mengatasi masalah ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Program Pengasingan Sisa Pepejal Di Punca telah diperkenalkan sejak 1 September 2015 di negeri-negeri yang mengguna pakai Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672) iaitu Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, Pahang, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Kedah dan Perlis.

2. Menerusi Program Pengasingan Sisa Pepejal Di Punca, para penduduk dikehendaki mengasingkan sisa pepejal mengikut kategori iaitu plastik, kertas dan lain-lain barangan kitar semula serta boleh memilih sama ada menjual barangan kitar semula kepada vendor kitar semula atau menghantar ke Pusat Kitar Semula atau diletakkan di hadapan rumah untuk dikutip oleh syarikat konsesi pada hari kutipan yang dijadualkan.

3. Secara umumnya, program ini telah menunjukkan perkembangan yang positif dan tahap pengamalan masyarakat terhadap pengasingan sisa pepejal juga telah meningkat.

4. Hasil daripada program ini dan kempen kesedaran yang telah dijalankan, Kadar Kitar Semula Negara telah meningkat setiap tahun mulai 2015 daripada 15.7% hingga 24.6% pada tahun 2018.

<b>Tahun</b>	<b>% Peningkatan</b>	<b>Jumlah sisa kitar semula (Juta tan)</b>
2015	15.7	2.6
2016	17.5	2.8
2017	21	3.3
2018	24.6	3.8

5. Walau bagaimanapun, amalan kitar semula dalam kalangan masyarakat Malaysia masih belum mencapai tahap optimum jika dibandingkan dengan masyarakat di negara-negara maju. Bagi menangani cabaran tersebut, Kerajaan terus memperkasakan program-program kesedaran yang berimpak tinggi dalam menggalakkan penglibatan masyarakat untuk mengamalkan pengasingan sisa pepejal meliputi aktiviti-aktiviti berikut:

- a) Kempen kesedaran dan promosi faedah 3R;
- b) Pendidikan untuk pelbagai peringkat umur;
- c) Program libat urus;
- d) Mendaya masyarakat;
- e) Memperkasakan Akta 672; dan
- f) Sambutan Hari Kitar Semula Kebangsaan secara tahunan

6. Secara keseluruhannya Program Pengasingan Sisa Pepejal di Punca yang telah dilaksanakan bukan sahaja memberi kesan positif pada masa kini bahkan akan mengekalkan kelestarian alam sekitar. Namun sekiranya inisiatif seperti ini tidak dilaksanakan berkemungkinan akan mengundang lebih banyak impak negatif terhadap persekitaran.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN STEVEN CHOONG SHIAU YOON  
[ TEBRAU ]**

**TARIKH : 17 JULAI 2019 (RABU)**

**SOALAN NO. 73**

**TUAN STEVEN CHOONG SHIAU YOON [ TEBRAU ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan mengemukakan jadual dan jenis kerja naik taraf atau penyelenggaraan hospital-hospital besar di Johor memandangkan banyak komen-komen negatif terhadap keadaan hospital-hospital besar di Johor.

**JAWAPAN**

**Yang di-Pertua,**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sememangnya prihatin dan sentiasa memberi perhatian dan penekanan terhadap fasiliti-fasiliti kesihatan di seluruh Negara agar penyampaian perkhidmatan rawatan terutamanya rawatan kepakaran kepada penduduk setempat dan sekitar tidak tergendala dan dapat disediakan secara optimum dengan memenuhi ekspektasi rakyat dalam menerima perkhidmatan kesihatan yang terbaik.

Dalam hal ini, KKM selaku Kementerian yang bertanggungjawab dalam memastikan aspirasi penyampaian perkhidmatan kesihatan adalah di tahap yang terbaik dan optimum, telah berjaya melaksanakan kerja-kerja menaiktaraf untuk kemudahan orang ramai dan juga kerja-kerja menaiktaraf yang masih dalam peringkat pelaksanaan di beberapa fasiliti kesihatan (Hospital) di seluruh negara termasuk di Negeri Johor.

**Yang di-Pertua,**

Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9), KKM telah melaksanakan projek-projek naik taraf dan penyelenggaraan fasiliti di hospital di negeri Johor seperti berikut:

- i. Blok Tambahan Hospital Batu Pahat; dan
- ii. Pakej *Refurbishment (ICU/CSSD/OT/A&E/BURNS)* & Balai Pelawat Aras bawah & Aras1 Hospital Sultanah Aminah.

Manakala di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) pula, KKM melaksanakan projek-projek seperti berikut:

- i. Membina Bangunan Tambahan Bagi Dewan Bedah, Klinik Pakar, Wad Kelas 1 & Wad Kelas 2 Di Hospital Mersing;
- ii. Pembinaan Bangunan Baru Makmal Patologi, Hospital Sultanah Aminah;
- iii. *Brain Suite*, Hospital Sultanah Aminah;
- iv. Bangunan Tambahan Hospital Segamat;
- v. Naiktaraf Sistem Gas Perubatan Hospital Pontian;
- vi. Naiktaraf Sistem Loji Rawatan Air Hospital Sultanah Fatimah; dan
- vii. Perkhidmatan Perubatan Nuklear & PET Hospital Sultan Ismail.

Di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) pula, KKM sedang dan akan melaksanakan projek-projek seperti berikut:

- i. Naiktaraf *Total Parenteral Nutrition (TPN)*, Hospital Sultanah Aminah;
- ii. Menaiktaraf Sistem Perangkap Kilat Hospital Sultanah Aminah;

- iii. Menaiktaraf Sistem Pencegahan Kebakaran Dan Sistem Elektrikal Hospital Sultanah Aminah;
- iv. Naiktaraf Bangunan Sedia Ada Jabatan Perubatan Transfusi , Hospital Sultanah Aminah;
- v. Menaiktaraf Sistem Pendingin Hawa Berpusat Hospital Mersing;
- vi. Menaiktaraf Sistem Bekalan Air Hospital Sultanah Aminah;
- vii. Menaiktaraf Sistem Kumbahan Hospital Sultanah Aminah;
- viii. Menaiktaraf Sistem Kumbahan Hospital Sultanah Nora Ismail; dan
- ix. Menaiktaraf Sistem Bekalan Air Hospital Sultanah Aminah.

**Yang di-Pertua,**

Dari segi aspek penyelenggaraan fasiliti dan aset pula, bagi semua dua belas (12) hospital Kerajaan di Johor, KKM telah melantik syarikat penyelenggara Perkhidmatan Sokongan Hospital yang terdiri daripada enam (6) buah servis iaitu *Facility Management Services* (FMS), *Facility Engineering Maintenance Services* (FEMS), *Biomedical Engineering Maintenance Services* (BEMS), *Cleansing Services* (CLS), *Linen and Laundry Services* (LLS) dan *Healthcare Waste Management Services* (HWMS) untuk melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan di hospital-hospital berkenaan mengikut jadual penyelenggaraan yang telah dipersetujui mengikut ketetapan *Hospital Engineering Plan Preventive Maintenance* (HEPPM).

Sekiranya syarikat penyelenggara gagal mematuhi jadual penyelenggaraan tersebut, mereka akan dikenakan tindakan pemotongan yuran perkhidmatan berdasarkan kontrak penyelenggaraan. Sebarang isu ketidakpatuhan dan aduan daripada orang awam boleh dikemukakan kepada pihak pengurusan hospital

**NO SOALAN : 73**

untuk tindakan lanjut bagi meningkatkan mutu perkhidmatan yang diberikan kepada orang ramai. Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**DARIPADA** : **TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM  
[ SUNGAI SIPUT ]**

**TARIKH** : **17 JULAI 2019  
[ RABU ]**

**SOALAN NO. 74**

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan cadangan bagi membina rumah mampu milik untuk masyarakat setempat terutama golongan di bawah B40.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan sangat prihatin dalam memastikan keperluan rumah terutamanya Rumah Mampu Milik (RMM) untuk masyarakat bagi golongan B40 di seluruh negara. Bagi negeri Perak sehingga Jun 2019, sebanyak 8 projek (1,014 unit) RMM di bawah Program Perumahan Rakyat (PPR) telah siap dibina iaitu:

Bil	Nama PPR	Jumlah (unit)
1	PPR Kampar	29
2	PPR Sungkai KTM	64
3	PPR Batu Gajah KTM	9
4	PPR Ipoh KTM	112

5	PPR Tanjung Malim	45
6	PPR Buntong	416
7	PPR Batu 2 ½ Taiping	240
8	PPR Seri Iskandar	99
Jumlah Unit		1,014

Manakala 1 projek PPR (260 unit) dalam pembinaan iaitu di Kamunting.

2. Pada masa ini Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) belum ada perancangan pelaksanaan PPR baharu bagi kawasan di Sg. Siput dan daerah Kuala Kangsar. KPKT sangat mengalu-alukan syor dan cadangan tapak PPR yang bersesuaian daripada pihak Yang Berhormat melalui Kerajaan Negeri. Tapak yang dicadangkan oleh pihak Kerajaan Negeri ini akan dinilai berdasarkan garis panduan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA).

Tapak milik Kerajaan Negeri adalah diberikan keutamaan untuk KPKT melaksanakan PPR secara tender terbuka mengikut dasar yang telah ditetapkan oleh Kerajaan. Namun begitu, pelaksanaan pembangunan PPR ini tertakluk kepada peruntukan kewangan yang disediakan oleh Kerajaan Persekutuan dengan keutamaan kepada lokasi-lokasi yang mempunyai bilangan setinggan serta permohonan rumah bagi golongan B40 yang tinggi.

Sekian, terima kasih.